



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

13 OGOS 2024 (SELASA)

## Penganiayaan Haiwan: Pelaku Dikhuatiri Sakit Mental, Undang Jenayah Lebih Serius

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Online	12 Ogos



KUALA LUMPUR: Kezaliman mendera, mengabai, menganiaya haiwan peliharaan mahupun jalanan seperti anjing dan kucing di negara ini terus mencetuskan kebimbangan umum.

Di sebalik penguatkuasaan Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772), kekejaman itu dilihat masih berleluasa dengan sebahagiannya dilakukan secara terbuka termasuk sengaja di-viralkan di media sosial.

Timbul persoalan, adakah perbuatan itu semakin menjadi kebiasaan segelintir individu

atau ia ada kaitan dengan kesihatan mental si pelaku?

Membakar anak kucing, mengheret anjing dengan kenderaan, melapah bagi tujuan makanan serta mengisar puluhan ekor kucing di dalam rumah.

Itu antara kekejaman individu yang tidak berperikemanusiaan terhadap haiwan sehingga mencetuskan kegusaran masyarakat.

Penganalisis Jenayah Haiwan, Arie Dwi Andika berpendapat trend itu

dikhuatiri mendorong kepada kes jenayah yang lebih parah terutama terhadap manusia sendiri.

“Perkara ini bermula dengan haiwan dan mungkin jenayah ini akan merebak kepada manusia seperti mana berlaku di negara lain. kita tengok banyak kajian kes berkenaan Jeffry Dahmer, kes-kes yang melibatkan jenayah bersiri, pembunuhan bersiri dan sebagainya mereka memulakan praktikal itu dengan haiwan kecil. ini yang kita khuatiri di malaysia.” kata Arie kepada Buletin TV3.

Lebih menyedihkan penyeksaan terhadap haiwan tidak terhad kepada golongan dewasa, bahkan terdapat juga pelakunya terdiri daripada kanak-kanak serta remaja.

Arie yang juga presiden persatuan haiwan malaysia berkata, perbuatan membuang haiwan peliharaan di tempat awam juga merupakan satu jenis pengabaian yang salah di sisi undang-undang.

“Membuang haiwan seperti di pasar dan kaki lima premis, bukan saja boleh didakwa dibawah Akta 772, malah haiwan boleh terdedah dengan risiko kebuluran, penyakit dan lebih teruk kepada bahaya

penderaan serta kezaliman oleh individu yang tidak berperikemanusiaan.” katanya.

Mungkin kita tidak tahu, meninggalkan haiwan di suatu tempat yang sehingga menyebabkan trauma, kesakitan atau penderitaan atas sebab penempatan semula, kebuluran, dahaga, kecederaan atau penyakit adalah satu kesalahan.

ia jelas dalam Akta 772 yang menjaga kebajikan haiwan.

Sementara itu, Pakar Psikiatri turut mengakui sekiranya kekejaman terhadap haiwan tidak dihentikan, ia mampu mendorong si pelaku bertindak lebih agresif kepada manusia.

Tingkah laku mendera dan menganiaya haiwan tidak boleh dipandang enteng kerana ia merupakan petanda awal kepada masalah kesihatan mental – jika tidak dibendung.

“Kekejaman kepada haiwan kita tidak boleh ambil ringan sebab itu berpotensi melakukan benda yang lebih serius. haiwan sepatutnya kita sayang, kita patut tunjuk lebih nilai manusia kepada haiwan tetapi ia berpotensi membahayakan manusia juga.

“Mungkin dia ada gangguan

dengar suara contohnya, saya pernah berdepan dengan kes seperti itu. jadi dia bunuh haiwan disebabkan ada bisikan. ia mendorong seseorang membuat sesuatu diluar jangkaan.” ujar Prof Madya Dr. Muhammad Muhsin Ahmad Zahari, Pakar Perunding Kanan Psikiatri (UM).

Tambahnya, faktor yang menekan seperti depresi dalam diri mampu mengundang si pelaku melepaskan perasaan negatif kepada haiwan.

“Paling dikhuatiri elemen anti-sosial sebab memang ada diagnosa dari segi perubatan psikatri antisosial personaliti ini biasanya dia buat sesuatu yang tak baik kepada orang lain dia tak rasa kasihan, tiada empati, kosong.

“Dia bunuh orang lain, dia tiada rasa apa-apa. Kelakuan seperti ini ada elemen antisosial disitu, tiada rasa empati. Tengok binatang kesakitan, dia gelak. Itu sesuatu yang tidak kena, memang jiwa dia sakit.” tambahnya.

Adakah mereka yang dikategorikan sakit mental ini mampu dirawat?

Klik pautan dibawah untuk membaca laporan kedua yang memperincikan

cadangan bagi membendung kes jenayah terhadap haiwan ini.-[BULETINTV3](#)

## Penganiayaan Haiwan: Tambah Baik Undang-undang Kebajikan Haiwan, Denda Lebih Berat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Online	12 Ogos



KUALA LUMPUR: Undang-undang berkaitan kebajikan haiwan di negara ini dilihat perlu dinilai semula berdasarkan kepada statistik aduan jenayah terhadap haiwan yang diterima Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Langkah itu bagi membendung kezaliman terhadap haiwan peliharaan termasuk di jalanan selain memberi pengajaran, sebarang jenayah terhadap haiwan adalah perkara yang serius.

Laporan sebelum ini mendedahkan terdapat segelintir penjenayah yang


mendera, mengabai dan menganiaya haiwan berkemungkinan mempunyai masalah mental.

Tidak cukup dengan nasihat dan penguatkuasaan undang-undang melalui Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772), mereka juga perlu dirawat.

Data DVS merekodkan sebanyak 7,907 aduan jenayah terhadap haiwan diterima sejak 2021 sehingga julai tahun ini.

Tahun lalu sahaja mencatatkan aduan kes

# AN STATISTIK ADUAN JENAYAH TERHADAP HAIWAN



tertinggi berbanding tahun sebelumnya.

Menurut Ketua Pengarah DVS, Dr Akma Ngah Hamid yang ditemui Buletin TV3, pelbagai faktor mendorong kepada peningkatan aduan.

Antaranya aduan berulang, aduan tidak berasas dan aduan bukan di bawah Akta 772.

“Ada aduan yang diterima tidak boleh diambil tindakan oleh DVS kerana ia melibatkan bidang kuasa jabatan atau agensi lain. Berdasarkan data, jumlah keseluruhan aduan yang boleh dibuat tindakan pemeriksaan hanyalah sebanyak 4,210 aduan sahaja.” dedah Dr Akma kepada Buletin TV3.

Antara jenis aduan yang diterima termasuk

menyepak, memukul, merantai haiwan dengan tali pendek, membakar dan membunuh.

Justeru, wujud gesaan agar hukuman lebih berat dikenakan termasuk mengkaji semula Akta 772.

“Kalau boleh hukuman yang kita kenakan kepada penderaan haiwan ini, ikut saya punya terma biasa sama dengan manusia.” kata Muhammad Khairul Hazwan Zulhaimi, Pekerja Swasta.

“Jika tiada tindakan, jenayah terhadap haiwan ini akan meningkat, bukan sahaja terhadap haiwan tetapi kanak-kanak dan wanita. Pihak berkuasa perlu ambil tindakan kerana orang takut dengan undang-undang supaya masa akan datang dapat mengurangkan jenayah seperti ini berlaku.”

# JENIS ADUAN PENGANIAYAAN HAIWAN DITERIMA DVS

- i. Menyepak
- ii. Memukul
- iii. Meracun
- iv. Merantai haiwan dengan tali pendek
- v. Menembak
- vi. Menakutkan haiwan
- vii. Melaga haiwan
- viii. Membakar
- ix. Memotong ekor
- x. Membunuh
- xi. dan lain-lain

**BULETIN VFMY**

kata Angel Soo, Pengasuh Haiwan Peliharaan.

Dalam pada itu, Persatuan Haiwan Malaysia turut mencadangkan agar haiwan yang lazimnya menjadi peliharaan seperti kucing dan anjing didefinisikan sebagai tidak boleh dimakan oleh manusia di bawah undang-undang.

Ia bagi mengelak kekeliruan yang boleh dipertikaikan selain menyebarkan penyakit berjangkit zoonotik yang memudaratkan.

“Akta pencegahan perlu diperkasa dan diperluaskan. Pandang serious apa yang berlaku kepada haiwan ini, jenayah haiwan ini sebenarnya titik permulaan kepada keparahan sosial dalam kejenayahannya di negara ini nanti.” ujar Arie Dwi

Andika, Presiden Persatuan Haiwan Malaysia.

Masyarakat khususnya pencinta haiwan pula dinasihatkan agar tidak mengambil tindakan sendiri jika berdepan dengan sebarang penderaan haiwan.

“Mereka ada kuasa untuk melapor tetapi jangan mengambil tindakan yang tidak mengikut peraturan itu yang amat kita perlukan daripada orang awam untuk membantu menjalankan jabatan siasatan.” tambah Dr. Akma

Untuk rekod, Selangor mencatatkan kes penderaan haiwan tertinggi iaitu lebih 3,000 kes, diikuti Kuala Lumpur lebih seribu berdasarkan data DVS.

Anjing, haiwan yang paling menjadi mangsa kepada

kekejaman berkenaan dengan lebih 5,000 kes selain kucing hampir 2,000 kes.-  
**BULETINTV3**



Penganalisis Jenayah Haiwan, Arie Dwi Andika



Dr Akma Ngah Hamid, Ketua Pengarah DVS

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR